

10,000 lagi lembu tenusu

» Peruntukan RM200 juta tingkat pengeluaran susu negara

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bh.com.my

► Johor Bahru

Negara memerlukan tambahan 10,000 lembu tenusu bagi memenuhi keperluan pengeluaran susu tempatan dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata pada masa ini, Malaysia mempunyai antara 20,000 hingga 30,000 lembu tenusu tetapi jumlah itu masih tidak mencukupi menampung permintaan susu tempatan.

Katanya, pada masa ini, keperluan susu cair negara adalah 50 juta liter setahun dengan hampir 20 juta liter susu cair diimport, termasuk dari Australia dan New Zealand.

"Justeru, bagi mencapai pertumbuhan susu sebanyak 20 juta liter menjelang 2020, sebanyak 10,000 lagi lembu tenusu diperlukan.



Ahmad Shabery mengeluarkan susu segar dari lori tangki ketika lawatan ke Program Tenusu Syarikat Allied Dairy Sdn Bhd, di Larkin, Johor Bahru, semalam. (FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH)

"Ini membabitkan peruntukan sejumlah RM200 juta, termasuk bagi membangunkan kemudahan infrastruktur sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import susu cair," katanya selepas mengadakan lawatan ke Program Tenusu Syarikat Allied Dairy Sdn Bhd di kawasan Perindustrian Larkin, di sini, semalam.

Katanya, nilai eksport bagi susu dan produk tenusu pada 2013 adalah RM957.35 juta dan nilai

import bagi susu dan produk tenusu adalah RM3.27 bilion.

Perkenal program EPP

Beliau berkata, kerajaan memperkenalkan Program Projek Permulaan (EPP) 13-Kluster Tenusu pada tahun 2011 bagi meningkatkan pengeluaran susu tempatan dan mengurangkan kebergantungan import yang dijalankan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian.

Katanya, kini syarikat peneraju Allied Dairy di Johor; Evergreen Livestock Sdn Bhd (Sabah) dan ADM Dairy Farm Sdn Bhd di Kedah dilantik menerusi program itu.

"Di bawah program EPP 13, penternak susu di bawah kluster syarikat peneraju akan menerima berbagai bentuk bantuan seperti lembu tenusu, peralatan pemerahan susu, pemanas air solar dan tangki susu," katanya.